

23 DEC, 2020

## Gerak kerja bersama perlu ditingkatkan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

# Gerak kerja bersama perlu ditingkatkan

## Menerusi Program Kembara Prihatin Negara

**LABUAN:** Program Kembara Prihatin Negara anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berjaya menyantuni masyarakat kurang berkemampuan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr. Fary Akmal Osman berkata, inisiatif bersepdua dan gerak kerja bersama perlu ditingkatkan supaya dapat memberi bantuan kepada warga Labuan dengan lebih berkesan.

Beliau berkata, sumbangan hari ini seperti barang makanan, kewangan, barang sekolah dan bantuan alat sokongan amat membantu mereka yang memerlukan terutama bagi mengalami masalah kesihatan.

"Pihak Pusat Pungutan Zakat (PPZ) juga menyediakan 100 bukal makanan untuk golongan asnaf dan kumpulan nelayan yang terkesan dengan penularan COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ban-

tuan alat bantu sokongan kepada salah seorang penerima di Kampung Batu Manikar, Ahad lalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Labuan Ansharey Matarsad, berkata program berkenaan singgah di empat rumah penerima bantuan JKM untuk menyerahkan alat bantu sokongan yang disumbangkan PPZ Cawangan Labuan.

Katanya, objektif program ini adalah sebagai program turun padang bersama pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan swasta di mana pihaknya melaksanakan kerjasama strategik dalam menyalurkan bantuan kepada masyarakat.

"Kita juga menyampaikan sebanyak 100 peralatan sekolah sumbangan Asian Supply Base Sdn Bhd dan bukal makanan sumbangan PPZ kepada golongan asnaf serta nelayan," katanya.

Ansharey berkata, program itu akan terus dilaksanakan selama setahun dan menyasarkan lokasi tumpuan seperti pasar tani, kawasan

perniagaan, pusat setempat dan kawasan perumahan bagi menyebarluaskan perkhidmatan JKM selain inisiatif baharu kerajaan kepada masyarakat.

Penolong Pengurus Besar PPZ Cawangan Labuan Mohd Hakemal Husain berkata, sempena program itu, PPZ menerusi Khaira PPZ (CSR) menyantuni penerima sumbangan yang mana ianya adalah dari wang wakalah syarikat yang membayar zakat mereka ke PPZ.

"Pada dasarnya, pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah melaksanakan tanggungjawab membantu mereka yang memerlukan dengan bantuan kewangan, kemahiran dan sebagainya secara berterusan dan kami sekadar menambah sedikit sumbangan sebagai tambahan kepada apa yang telah dilaksanakan oleh MAIWP," katanya.

Beliau juga menyeru kepada pembayar zakat agar segera membayar zakat supaya boleh digunakan untuk kepentingan asnaf di pulau bebas cukai itu.

23 DEC, 2020

## Gerak kerja bersama perlu ditingkatkan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3



**ALAT BANTU:** Dr. Fary Akmal (kanan) dan Ansharey (kiri) memerhatikan Mohd Hakemal (dua kiri) menyampaikan bantuan alat bantu sokongan kepada salah seorang penerima di Kampung Batu Manikar, Ahad lalu.



23 DEC, 2020

## Gerak kerja bersama perlu ditingkatkan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

ALAT BANTU: Dr. Fary Akmal (kanan) dan Ansharey (kiri) memerhatikan Mohd Hakemal (dua kiri) menyampaikan bantuan alat bantu sokongan kepada salah seorang penerima di Kampung Batu Manikar, Ahad lalu.

Menerusi Program Kembara Prihatin Negara

LABUAN: Program Kembara Prihatin Negara anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berjaya menyantuni masyarakat kurang berkemampuan di Wilayah Persekutuan Labuan. Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr.